

Tajuk : Kakitangan Unimas korban enam ekor lembu

Kakitangan Unimas korban enam ekor lembu

KOTA SAMARAHAN 6 Nov. - Persatuan Pengurus Unimas (PPU) baru-baru ini mengadakan program ibadat korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha di pekarangan Surau Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Kampus Timur.

Pengerusi Program Ibadah Korban, Mizan Morshidi berkata, program yang julung kali diadakan itu juga merupakan salah satu daripada pengisian sambutan ulang tahun Unimas ke-20.

Katanya, dalam program yang membabitkan 32 warga universiti itu, sebanyak enam ekor lembu telah disembelih.

"Penglibatan warga kerja Unimas dengan kerjasama pelajar-pelajar dilihat dapat mengukuhkan silaturahim di samping beramal dalam menghayati erti ibadat korban," katanya.

Majlis penyampaian daging korban kepada wakil penerima disempurnakan Dekan Pusat Pemajuan Pelajar (PPP), Prof. Madya Dr. Rusli Ahmad dan Dekan Fakulti Kejuruteraan, Prof. Dr. Wan Hashim Wan Ibrahim.

Penyampaian itu disaksikan Presiden PPU, Nasriman Abdul Rahman dan wakil Pengetua Kolej Kediaman, Bakri Abd. Karim.

Sementara itu, Mizan berkata, sebanyak 360 bungkusan daging korban telah diagihkan kepada mereka yang layak di sekitar Kota Samarahan.

Katanya, antara kampung yang terlibat ialah Kampung Tanjung Bundong membabitkan 130 orang penerima, Kampung Tambirat (90 orang), Kampung Sebandi Matang (60 orang) dan Kampung Sambir (80 orang).



RUSLI Ahmad (kiri) menyerahkan daging korban kepada wakil penerima sambil disaksikan Nasriman Abdul Rahman di Kota Samarahan, baru-baru ini.